

JAWAPAN

Unit
13

Keselamatan di Jalan Raya Tanggungjawab Bersama

Modul PBD

1. (a) Elakkan mengekori kenderaan lain secara dekat.
(b) Pakai pakaian cerah pada waktu malam.
(c) Elakkan mencelah di antara kenderaan.
(d) Gunakan jejantas ketika melintas.
(e) Patuhi lampu isyarat.
(f) Mempunyai lesen memandu.
(g) Patuhi had laju kenderaan yang ditetapkan.
(h) Pakai tali pinggang keledar di dalam kereta.

2. Peraturan jalan raya

Amalan keselamatan yang boleh meningkatkan keselamatan pengguna di jalan raya.

Undang-undang jalan raya

Acta yang mewajibkan suatu perlakuan kepada pengguna di jalan raya

3. (a) Mengelakkan kemalangan.
(b) Mengurangkan kesesakan jalan raya.
(c) Mengelakkan kehilangan nyawa dan harta benda.
(d) Menjadikan jalan raya selamat untuk digunakan.
(e) Mengurangkan beban kerajaan membaki kerosakan akibat kemalangan jalan raya.
(f) Imej negara meningkat.

4. Kerajaan

- Menjalankan kempen kesedaran bermula di peringkat sekolah.
- Menguatkuasakan undang-undang jalan raya.

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

- Mengadakan sekatan jalan raya dengan lebih kerap.
• Mengenakan saman yang lebih tinggi kepada pesalah yang mengulangi kesalahan yang sama.

Badan bukan kerajaan (NGO)

- Mengedarkan risalah dan brosur tentang keselamatan jalan raya.

- Mencipta iklan yang berkesan tentang keselamatan jalan raya.
5. (a) Gembira kerana apabila saya mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya, keselamatan diri dan orang lain akan lebih terjamin.
(b) Mengelakkan berlakunya kemalangan dan menjamin keselamatan pengguna jalan raya yang lain seperti pemandu motosikal dan pejalan kaki.
(c) (i) Disaman oleh JPJ.
(ii) Kenderaan ditunda.
(iii) Lesen pemandu boleh digantung.
 6. (a) Lihat kiri, kanan, kemudian kiri sebelum melintas jalan.
(b) Sekiranya berjalan kaki ke sekolah, pastikan berjalan di bahu jalan atau lorong pejalan kaki.
(c) Tunggu sehingga bas berhenti sebelum turun.
(d) Beratur dan bergerak dalam barisan semasa menaiki bas.
(e) Gunakan jejantas yang disediakan ketika melintas jalan raya.
(Terima jawapan murid yang sesuai)

Power KBAT

1. (i) Memperuntukkan sumber kewangan untuk membina jalan raya yang lebih lurus dan laluan khas untuk motosikal.
(ii) Memperbaiki kemudahan pengangkutan awam.
(iii) Pihak JPJ dan polis mestilah membuat pemantauan yang berterusan.
(iv) Pemandu yang melanggar peraturan jalan raya perlu didakwa di mahkamah.
2. (i) Menggesa rakan sekelas supaya mematuhi peraturan-peraturan jalan raya yang ditetapkan kerana peraturan ini diwujudkan bagi menjaga keselamatan para pengguna jalan raya.
(ii) Menampal poster-poster yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya di dalam kelas.
(iii) Mengedarkan brosur atau risalah tentang keselamatan jalan raya.